



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (InnoSTRE)

ReQasari Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia



Seramai 110 orang pelajar Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi dan Fakulti Kejururawatan UiTM Cawangan Sarawak diiringi tiga orang pensyarah telah terlibat sebagai sukarelawan untuk Kuching Marathon 2022 yang telah diadakan pada malam 1 Oktober dan berakhir pada pagi 2 Oktober 2022. Seramai sepuluh ribu peserta tempatan dan luar negara telah mendaftar untuk kategori larian berbeza (42km, 21km, 10km dan 5km). Kesemua 110 orang sukarelawan dipertanggungjawabkan menjaga stesen air, menyediakan span dan kumpulan sorak di sepuluh lokasi berbeza iaitu Sekolah Encik Buyong, Pelita, DBKU 1, Sukma, SK Agama Dtk Hj Abd Kadir Hassan, berhadapan SK Agama Dtk Hj Abd Kadir Hassan, BOMBA, DBKU 2, State Mosque, JLN Bako.

Penglibatan pelajar sebagai sukarelawan dalam penganjuran marathon pada kali ini agak berbeza kerana program ini telah berehat selama 2 tahun disebabkan pandemik Covid-19. Banyak prosedur sukarelawan telah berubah. Menariknya, program ini memberi peluang kepada mereka untuk menimba ilmu dalam aktiviti penganjuran sukan, pengurusan masa, memupuk semangat kerjasama antara para sukarelawan. Selain itu, pengalaman berharga bersama rakan baru banyak mengajar dan membantu dalam meningkatkan taraf kesihatan mental kesan daripada kurangnya pergerakan dan komunikasi sosial selama pandemik Covid-19. Pihak penganjur sangat gembira dan berpuas hati dengan kerjasama serta pelaksanaan tugas yang telah diamanahkan kepada pihak UiTM Cawangan Sarawak.

